

08 DEC 1999

Menteri Besar-Sumpah

MENTERI BESAR DAN EXCO N.SEMBILAN ANGKAT SUMPAH ISNIN INI

SEREMBAN, 8 Dis (Bernama) -- Majlis mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar dan anggota Exco kerajaan negeri Negeri Sembilan, yang ditunda semalam telah ditetapkan akan diadakan Isnin ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamed Ali Abdul Samad hari ini berkata beliau telah berbincang dengan Pengelola Bijaya Diraja pagi tadi berhubung penetapan tarikh itu.

Tarikh itu telah diperkenan oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Ja'afar dan telah dimaklumkan kepada Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini.

"Sudah diputuskan dan dipersetujui oleh pihak istana bahawa majlis mengangkat sumpah memegang jawatan bagi Menteri Besar dan pelantikan anggota Exco akan dilangsungkan Isnin ini pukul 10 pagi," katanya.

Mohamed Ali juga berkata raptai majlis itu akan diadakan pada Jumaat atau Sabtu ini tetapi tidak membabitkan anggota Exco kerana raptai itu bertujuan untuk menentukan tempoh masa dan urutan.

Katanya mereka yang dilantik sebagai anggota Exco akan dimaklumkan mengenai majlis angkat sumpah itu nanti.

Beliau juga berkata tidak ada masalah berhubung majlis pelantikan Menteri Besar dan anggota Exco itu.

"Yang tertangguh ialah berkenaan penetapan tarikh sahaja, dan tarikhnya telahpun disahkan Isnin ini," katanya.

Beliau berkata tarikh itu dicadangkan kepadanya oleh pihak istana semalam, dan selepas menyemak diari Menteri Besar hari ini beliau mendapati tarikh itu sesuai.

Mohamed Isa pada Isnin lepas menyerahkan kepada Yang Dipertuan Besar surat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan parti supaya beliau menerajui kerajaan negeri serta cadangan nama-nama anggota Exco.

-- BERNAMA

AZ NMO